

Mahathir mahu negara maju belajar tanam hutan mereka

LONDON 2 Jun — Dato' Sri Dr. Mahathir mahu negara maju belajar menanam sendiri hutan mereka dan tidak terlalu bimbang hutan tropika di negara-negara Selatan kerana seperti Malaysia, separuh dari buminya masih diliputi hutan.

Perdana Menteri menegaskan, adalah tidak adil bagi negara Utara atau negara maju yang mahu negara-negara Selatan sahaja mengurangkan taraf kehidupan dengan mengancam proses menebang hutan bagi mencapai kemajuan sedangkan mereka menikmati tarap hidup yang tinggi.

"Kalau mereka mahu kami berbuat demikian, mereka juga harus mengurangkan taraf hidup di negara masing-masing," tegasnya dalam temuramah dengan televisyen BBC yang disiarkan dalam rancangan Panorama bertajuk "The South Strikes Again" malam ini.

Rancangan tersebut yang juga menyedut pendapat dari beberapa orang pemimpin negara Selatan yang lain dan jawapan segera dari beberapa orang pemimpin British terhadap kritikan pemimpin negara Selatan termasuk Dr. Mahathir disiarkan khas menjelang Sidang Kemuncak Bumi di Rio Janeiro beberapa hari lagi.

The South Strikes Again bermula dengan slot tarian perang dari kumpulan kebudayaan Sarawak, sedutan kehidupan masyarakat Penan dan beberapa sedutan temuramah dengan Dr. Mahathir yang dikatakan sebagai pemimpin utama negara-negara Selatan.

Perdana Menteri memberitahu, penduduk di negara-negara membangun tidak begitu arif soal alam sekitar kerana apa yang penting bagi mereka ialah apa yang ada untuk hari esok.

Bagi mereka, apa yang perlu ialah keperluan diri dan keluarga kerana sama ada terdapat lubang besar atau tidak di ozon, mereka terpaksa meneruskan kehidupan.

Katanya, bagi negara-negara maju di Utara, persoalan hutan tropika diberikan keutamaan kerana bimbang alam sekitar tetapi bagi negara-negara Selatan pula, matlamat utamanya ialah untuk mencapai kemajuan.

Salah satu cara mencapainya ialah dengan menebang hutan untuk mendapatkan sumber kewangan dan tanah lapang sebagai



ABDULLAH HASSAN

Melaporkan dari
LONDON

kawasan pertanian dan lain-lain sektor yang boleh memajukan negeri.

Dr. Mahathir menegaskan, negara-negara maju di Utara harus memberi keutamaan untuk mengurangkan kemiskinan rakyat mereka kerana masih ada yang tidur di Hyde Park dari mengajar negara-negara membangun yang sedang berusaha menuju pembangunan.

Dalam rancangan selama satu jam itu, Panorama juga menyiarkan temuramah dengan Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Taib Mahmud, yang antara lain berkata, masyarakat Penan sekarang ingin hidup maju dan tidak lagi mahu hidup dalam hutan.

Televisyen BBC menyiarkan pula temuramah dengan pemimpin Penan bagi menyokong pendapat Taib Mahmud. Selain daripada itu mereka juga menyiarkan pendapat kumpulan Penan yang lain yang menentang pembalakan kerana, katanya, mengurangkan ruang bagi mereka bergerak mencari rezeki.

Dalam temuramah dengan Lim Keng Yaik pula, terdapat sindiran sinis berhubung komen Putera Charles mengenai masyarakat Penan beberapa ketika dahulu dan beliau menjemput putera diraja Britain itu hidup dalam hutan supaya dapat membandingkan sendiri dengan keadaan hidup di Istana Buckingham.

Bagaimanapun, wartawan televisyen BBC itu menyebut bahawa Sidang Kemuncak Bumi di Rio tidak akan menjadi satu bentuk konfrontasi Utara-Selatan dan di akhir rancangan beliau bertanya: "Adakah sidang itu akan mencapai matlamatnya?"